

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 DECEMBER 2016

Bailout: Dr. Mahathir perlu bersikap jujur – Mohd. Razlan

UM - 25/12/2016

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa bersikap jujur dalam memperkatakan isu *bailout* dan bukan hanya menggunakan istilah itu semata-mata kerana dendam politik terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Mohd. Razlan Muhammad Rafi berkata, ini kerana Dr. Mahathir ketika menerajui kepemimpinan kerajaan selama 22 tahun, beliau tidak pernah sunyi dalam melakukan *bailout* yang sesetengahnya dikaitkan dengan dakwaan wujudnya amalan kronisme.

Katanya, fakta tidak pernah membohongi sesiapa dan

jika bekas Perdana Menteri itu ghairah mahu melaungkan istilah *bailout* bagi memburukkan kepemimpinan Najib khususnya dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), beliau perlu meneliti kembali sejarah pemerintahannya sebelum ini.

“Pada saya persoalan *bailout* ini hanya akan membongkarkan tindak-tanduk Dr. Mahathir ketika beliau memerintah, sesuatu yang sehingga kini tidak dilakukan oleh Najib sejak beliau mengambil alih kepemimpinan negara daripada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

“Kita tidak lupa isu melibatkan Bumiputra Malaysia Finance (BMF), isu Forex, Perwaja Steel, Malaysia Airlines (MAS), skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dan konsortium perkapalan milik Mirzan,” katanya ketika dihubungi *Ming-*

guan Malaysia di sini hari ini.

Dr. Mahathir sejak kebelakangan ini semakin kerap menggunakan istilah *bailout* iaitu wang dipam ke dalam sesebuah organisasi yang sakit tanpa sebarang pulang ke atas wang itu bagi menyerang kepemimpinan Najib, tetapi ironinya perkara tersebutlah yang dilakukannya dahulu.

Dalam pada itu, Mohd. Razlan berkata, rakyat perlu membuka mata dan menilai sesuatu perkara berdasarkan fakta dan bukannya menelan bulat-bulat dakwaan Dr. Mahathir hanya kerana beliau pernah menjadi Perdana Menteri.

“Hakikatnya, kerajaan sedang berusaha keras untuk memastikan ekonomi negara berada dalam keadaan terbaik dan sebagai rakyat kita sepatutnya menyokong segala langkah positif yang dilaksanakan Perdana Menteri,” katanya.